

PERSEPSI PEMIKIRAN ASPIRASI AKAL BUDI TERHADAP SEMANGAT PATRIOTISME DALAM KALANGAN PEGAWAI TENTERA DARAT MALAYSIA

Jessica Ong Hai Liaw (UPNM),
Rosfazila Abd Rahman (KUIS),
Ahmad Azan bin Ridzuan (UPNM),
Norlaila Mazura Mohaiyadin (UPNM),
Abdul Hamid Moiden (UPNM)

ABSTRAK

Aspirasi akal budi tentera menjadi satu tonggak kecemerlangan organisasi Tentera Darat Malaysia (TDM). Era globalisasi turut mempengaruhi aspirasi akal budi tentera dalam menjana kecemerlangan organisasi Tentera Darat Malaysia (TDM). Pemikiran aspirasi akal budi tentera terbentuk melalui penampilan kepahlawanan, tingkah laku yang jelas. Pemikiran aspirasi akal budi tentera terbentuk melalui penampilan kepahlawanan, tingkah laku yang jelas, kesopanan ketenteraan, tanggungjawab kepada peralatan, kemahiran ketenteraan, motivasi dan latihan yang menjadi orientasi kehidupan institusi ketenteraan dalam membina semangat patriotisme. Semangat patriotisme diterjemahkan sebagai cinta kasih yang kental dan kekal terhadap bangsa dan negara terbentuk melalui latihan ketenteraan yang jitu. Justeru itu, kajian temu bual telah dijalankan ke atas 10 orang pegawai Tentera Darat Malaysia di Kem Tentera Darat iaitu Perlis dan Melaka. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti aspirasi akal budi tentera yang merangkumi dimensi-dimensi seperti penampilan kepahlawanan, tingkah laku yang jelas, kesopanan ketenteraan, tanggungjawab kepada peralatan, kemahiran ketenteraan, motivasi dan latihan yang mendatangkan kesan dalam pembentukan semangat patriotisme. Dimensi-dimensi utama yang relevan ini berperanan sebagai faktor penentu kepada aspirasi akal budi tentera ketika membentuk semangat patriotisme dalam kalangan pegawai TDM. Di samping itu, penelitian tuntutan konsep latihan ketenteraan yang saling menyokong dengan aspirasi akal budi tentera membentuk semangat patriotisme sebagai panduan dalam pembangunan semangat jati diri kepahlawanan dalam kalangan pegawai TDM.

Kata kunci: Aspirasi akal budi, kepahlawanan, kesopanan ketenteraan, jati diri, TDM

PENGENALAN

Generasi muda tidak dapat menghayati erti kemerdekaan sepenuhnya kerana mereka tidak pernah merasai keperitan hidup ketika zaman penjajahan dan perperangan. Generasi yang lahir dalam negara yang telah merdeka tidak sedar bahawa suatu ketika dahulu negara ini pernah dijajah dan generasi sebelum ini dengan pahit getir telah berjaya menuntutkan kemerdekaan daripada penjajah. Penghayatan patriotisme generasi muda berbeza dengan generasi yang lebih tua kerana generasi tua sebagai rakyat Malaysia telah menyemarakkan semangat patriotisme dengan menunjukkan semangat setia negara, semangat kekitaan, disiplin serta usaha berterusan untuk mencipta kemakmuran. Patriotisme bukan sekadar semangat, tetapi ia merupakan sesuatu yang agung yang melibatkan soal keyakinan, kesetiaan, kewarganegaraan, keberanian, kemerdekaan, jati diri dan kedaulatan (Muhamad Ali Embi, 2009).

Patriotisme adalah perasaan cintakan kepada tanah air dengan kesanggupan untuk menumpahkan hati budi kepadanya. Ianya merupakan sesuatu yang abstrak yang lahir melalui tindakan atau perjuangan rakyatnya yang berdasarkan kepentingan negara, agama dan bangsa. Pada masa dahulu, patriotisme diterjemahkan menerusi kesukarelaan dan keberanian seseorang berperang demi kepentingan ibu pertiwnya, untuk berjuang menentang penjajah, atau memperjuangkan kemerdekaan tanah airnya. Pada zaman ini, patriotisme dipamerkan menerusi kepimpinan yang berjiwa rakyat, bertungkus-lumus memajukan negara untuk

mencapai ke taraf dunia dan sentiasa memperjuangkan keselamatan tanah air dan kesejahteraan rakyatnya.

Patriotisme adalah semangat cintakan negara, semangat cintakan tanah air, tanpa prejodus bangsa atau prasangka agama (Ruhanie Ahmad, 2005). Amnya, patriotisme membabitkan minda, sanubari dan naluri yang membabitkan roh dan jiwa, semangat dan keinsafan, serta cinta, kasih dan sayang. Kerajaan menerima hakikat bahawa pengorbanan anggota TDM yang tidak ternilai kerana sanggup berkorban dan bergadai nyawa demi menjaga kedaulatan dan kestabilan negara. TDM bertanggungjawab melahirkan ratusan ribu pegawai tentera yang terlatih dan mereka ini kekal berada pada tahap patriotisme yang paling tinggi. Hal ini demikian kerana, TDM telah melaksanakan berbagai latihan ketenteraan untuk mendedahkan peranan pegawai-pegawainya dan memberi kesedaran akan pentingnya perkhidmatan tentera dalam konteks pertahanan dan keselamatan negara.

Nilai-nilai murni pegawai muda seperti disiplin, kerjasama dan keprihatinan yang ditunjukkan melalui akal budi tentera secara langsung telah membangkitkan nilai-nilai patriotisme dalam masyarakat. Aspirasi akal budi tentera telah terserlah melalui penampilan kepahlawanan, tingkah laku yang jelas, kesopanan ketenteraan, tanggungjawab kepada peralatan, kemahiran ketenteraan, dan motivasi dan latihan mendorong semangat patriotisme dalam menjalan tanggungjawab kepada negaranya (Zulkifli Zainal Abidin, 2011). Latihan ketenteraan melalui berbagai aktiviti seperti bantuan kemanusiaan, keagamaan, bimbingan dan khidmat kaunseling, pelajaran dan kerjaya tentera, program anak angkat dan khidmat kesihatan telah dilaksanakan. Hubungan yang harmonis atau jalinan silurrahim antara pegawai muda TDM dengan rakyat sangat penting dalam memacu semangat patriotik dan seterusnya memberi sokongan kepada organisasi TDM semasa aman dan perang. Perwatakan atau penampilan diri pegawai muda boleh dijadikan contoh kepada ahli masyarakat yang lain. Mereka juga mempunyai kebolehan tersendiri dalam bidang masing-masing yang menjadi aset negara dalam mencorakkan semangat patriotisme ke dimensi baru dan boleh menjadi contoh teladan kepada generasi muda-mudi negara.

Menurut Zulkifli Zainal Abidin (2011) m.s. 5 dalam memperkasakan keunggulan TDM seperti berikut:

“Secara analoginya setiap anggota adalah kuasa tempur TD. Ini kerana tinggi rendahnya tahap kuasa tempur adalah bergantung kepada profesionalisma anggota (man), menggunakan persenjataan dan peralatan (machine) serta keserasian metodologi atau doktrin ketenteraan (method). Oleh itu, kuasa tempur TD yang inklusif terbentuk dari himpunan kuasa tempur yang dihasilkan oleh setiap anggota TD sebagaimana konsep trilogi pelakuan yang terdiri daripada tiga komponen utama iaitu komponen kognitif (keupayaan intelektual), komponen emosi atau perasaan dan komponen tingkah laku atau pelakuan. Hubungan yang saling melengkapi di antara kognitif atau sistem daya fikir dengan emosi atau perasaan akan melahirkan kesan kepada tingkah laku.” - Manifesto Sahsiah Diri PTD.

Menurut Dahrendorf (1959), pemikiran akal budi tentera berkait rapat dengan teori konflik dimana seseorang itu amnya produktif yang perlu meneruskan kehidupan dan perlu menjalankan aktiviti pekerjaan. Seseorang yang produktif di sini dimaksudkan sama ada mereka menjalankan pekerjaan itu dengan daya usaha sendiri atau mereka bekerja dengan

orang lain. Melalui teori konflik ini sangat berhubung rapat dengan aplikasi kajian aspirasi akal minda tentera kerana anggota tentera telah menyerahkan segala yang ada pada dirinya untuk terus berkhidmat kepada negara, mematuhi perintah yang diarahkan dan mematuhi pihak atasan sepanjang perkhidmatannya.

METODOLOGI

Hasil dapatan yang dibincangkan dalam kajian ini diperolehi melalui kaedah kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian temu bual mendalam. Jenis temu bual mendalam yang digunakan adalah temu bual separa berstruktur kerana ianya lebih berflexibel dan memudahkan Responden menghuraikan apa yang difikirkan kepada penyelidik. Temu bual mendalam telah dibuat kepada 10 pegawai TD yang mempunyai pengalaman berkhimat lebih dari lima tahun dari pasukan yang berada di negeri Perlis dan Melaka. Temu bual mendalam telah dilakukan berpandukan kepada garis panduan protokol temu duga yang telah disediakan keatas responden yang telah diberikan oleh pasukan kajian. Setelah temu duga selesai, data yang telah direkodkan ditulis semula dan analisa kandungan dilakukan bagi mengenal pasti terma-terma yang menyumbangkan dimensi-dimensi kajian aspirasi akal budi dan patriotisme.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Hasil dan perbincangan ini dihuraikan dengan memfokuskan kepada enam dimensi utama yang diperolehi dari analisa kandungan temu bual mendalam keatas responden iaitu penampilan kepahlawanan, tingkah laku jelas, kesopanan ketenteraan, tanggungjawab kepada peralatan, kemahiran ketenteraan dan latihan ketenteraan mendorong semangat patriotisme. Kajian ini mendapati apabila ditanya berkaitan pemahaman Responden, mereka boleh menjawab dengan yakin dan tidak berasa malu dalam mengeluarkan pengetahuan mereka. Secara umumnya, responden memahami soalan-soalan protokol temu bual bahawa ianya dibuktikan dengan kenyataan daripada responden-responden seperti berikut:

PERLIS

Responden	Penampilan Kepahlawan	Tingkah Laku yang Jelas	Kesopanan Ketenteraan	Tanggungjawab kepada Peralatan	Kemahiran ketenteraan	Latihan Ketenteraan
Responden 1	Kami sebagai pemimpin perlu memberi keyakinan tinggi kepada anak-anak buah.	Disiplin, setia dan taat kepada negara tercinta. Tiada kata dua. Kami akan berkorban demi negara tercinta.	Taat setia kepada ATM	Peralatan perlu dijaga dan diperbaharui untuk keselamatan negara	Mempertahankan negara ini dari sebarang ancaman dari luar maupun dalaman.	Aktiviti Kemasyarakatan dan aktiviti agama memang diadakan kerap. Motivasi diri dalam pekerjaan. Program kaunseling juga sering diadakan.
Responden 2	Fizikal dan mental kami perlu kuat menghadapi segala cabaran.	Menjaga keamanan negara dengan hati yang ikhlas. Siapa pun yang memimpin, kami perlu	Menurut arahan dan perintah pemimpin dengan hati yang tulus.	Mencadangkan peralatan yang lebih canggih dan baharu sesuai dengan transformasi era moden.	Menjaga dan memastikan kedaulatan negara sentiasa berada dalam keadaan terpelihara.	TASKA dan kemudahan untuk anggota lengkap.

		taat setia kepada Raja dan Negara.				
Responden 3	Kemas dan Berdisplin kunci kami untuk berjaya. Penampilan kepahlawanan sangat penting supaya dihormati.	Sensitif dengan isu-isu keamanan negara.	Taat setia kepada pemimpin dan memastikan komunikasi berkesan di antara golongan atasan dan golongan bawahan	Peralatan yang sedia ada mencukupi. Cuma untuk menjaga keselamatan logistik dan penyelenggaraan perlu dititikberatkan.	Berlatih untuk berperang semasa waktu aman sebagai persiapan ketika darurat	Kursus Bahasa Inggeris sangat baik dan telah diadakan. Kami juga mohon peluang-peluang akademik diperbanyakkan untuk memberi peluang pengajian sepuhul masa.
Responden 4	Perlu menjadi contoh kepada anak-anak buah dengan berpakaian kemas dan sikap yang tegas .	Menjadi pemimpin dan berbakti kepada ATM.	Sebagai ketua, saya memastikan anak-anak buah saya berada dalam selamat dan bersemangat	Semangat untuk memastikan peralatan efisien dan kesiapsiagaan yang tinggi sepanjang masa	Menyertai operasi pengaman di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).	Meminati bidang keusahawanan dan ekonomi diadakan. Kemahiran juga kami perlukan yang boleh kami mencari pendapatan selepas bersara.
Responden 5	Kami perlu sentiasa bersedia dan siap siaga dengan segala peralatan yang sedia ada.	Perlu positif dan semangat patriotism.	Perjuangan hingga ke akhir untuk tanah air tercinta	Saya mencadangkan peralatan disemak semula dari segi keberkesaan	Kami menyertai operasi dan bersiap sedia dengan setiap latihan untuk minda dan fizikal	Cadangan supaya kursus persediaan untuk anggota bersara dengan sijil-sijil profesional. Saya setuju dengan kursus perniagaan.

Persepsi pemikiran aspirasi akal budi dengan enam dimensi seperti penampilan kepahlawanan, tingkah laku yang jelas, kesopanan ketenteraan, tanggungjawab kepada peralatan, kemahiran ketenteraan dan latihan ketenteraan di Perlis. Pegawai-pegawai TDM di Perlis komited dengan kerja dan sangat berdedikasi dengan semangat patriotisme yang tinggi. Hal ini disokong oleh para responden berikut:

- i. Penampilan kepahlawanan: "...Kami sebagai pemimpin perlu memberi keyakinan tinggi kepada anak-anak buah..."
- ii. Tingkah laku yang jelas: "... Menjadi pemimpin dan berbakti kepada ATM..."
- iii. Kesopanan ketenteraan: "... Taat setia kepada pemimpin dan memastikan komunikasi berkesan di antara golongan atasan dan golongan bawahan..."
- iv. Tanggungjawab kepada peralatan: "...Peralatan yang sedia ada mencukupi. Cuma untuk menjaga keselamatan logistik dan penyelenggaraan perlu dititikberatkan..."
- v. Kemahiran ketenteraan: "... Menyertai operasi pengaman di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)...."

- vi. Latihan ketenteraan: “...*Cadangan supaya kursus persediaan untuk anggota bersara dengan sijil-sijil profesional... Saya setuju dengan kursus perniagaan.*”

Di Perlis, responden mengharapkan kursus-kursus profesional dapat diperbanyakkan untuk mereka bersedia melangkah ke alam persaraan nanti. Responden menyatakan sebagai pemimpin mereka perlu menjadi contoh dan memberi keyakinan yang tinggi kepada anak-anak buah mereka. Taat setia kepada negara dengan semangat patriotisme yang tinggi amat dipentingkan. Selain itu, peralatan adalah mencukupi dan wujud keperluan untuk memastikan penyelenggaraannya baik. Pegawai-pegawai yang menghadiri operasi luar negara dalam PBB tidak bimbang kerana TDM memberikan kemudahan yang mencukupi. Responden ingin memastikan keharmonian negara terpelihara dan sentiasa dalam keadaan yang aman.

MELAKA

Responden	Penampilan Kepahlawan	Tingkah Laku yang Jelas	Kesopanan Ketenteraan	Tanggungjawab kepada Peralatan	Kemahiran ketenteraan	Latihan Ketenteraan
Responden 1	Saya sebagai pemimpin perlu bersedia sentiasa menghadapi cabaran.	Disiplin ketenteraan dipatuhi. Saya suka bersemuka dengan anak-anak buah jika ada perkara yang perlu diselesaikan.	Rukun kesopanan ketenteraan saya patuhi.	Peralatan sangat penting dan saya bertanggungjawab sepenuhnya.	Saya memahami tugas dan tanggungjawab saya. Kemahiran kewangan sangat penting dari segi pengurusan. Saya akan membantu dan mengawal kewangan anak-anak buah saya. Menggalakkan mereka menabung.	Kursus agama dan kaunseling sangat konsisten.
Responden 2	Fizikal dan mental kami perlu kuat menghadapi segala cabaran. Ikon saya ialah Lt Adnan.	Nama pasukan akan dijaga sentiasa. Saya kurang berminat dengan arahan pentadbiran dalam media sosial seperti “Whatsapp”.	Budaya tentera yang diamalkan sangat baik. Taat setia dan jati diri.	Peralatan yang dibekalkan sesuai dengan bidang tugas saya.	Saya mahu maju ke hadapan dan tingkatkan ilmu.	Khidmat kesihatan yang sangat baik termasuk penempatan TASKA. Diubah suai untuk lebih selesa kepada anak-anak TDM.
Responden 3	Kemas dan berdisiplin. Kami kagum dengan tugas kami.	Komunikasi adalah perkara utama di antara kami. Perhubungan dengan media sosial diutamakan.	Saya menghormati antara satu sama lain tanpa mengira bangsa dan agama.	Kos penyelenggaran agak tinggi tetapi peralatan mencukupi.	Sebagai anggota tentera. Saya perlu bersedia dari segi mental dan fizikal. Perancangan sangat penting.	Projek kemanusiaan diadakan untuk membantu masyarakat dan saya mementingkan kedaulatan

						negara.
Responden 4	Perlu menjadi contoh kepada anak-anak buah dan utamakan tugas dan tanggungjawab.	Media sosial baik tetapi pandangan saya dari segi kemanusiaan lebih utama. Saya suka bersemuka daripada media sosial.	Tiada istilah pilih kasih. Kami perlu menjaga pasukan dengan semangat patriotisme yang tinggi.	Peralatan yang dibekalkan mampu menjalankan tugas dengan baik.	Saya mahu belajar lagi dan menguasai banyak ilmu dalam bidang ketenteraan.	Program BAKAT aktif dijalankan untuk mengeratkan silaturahim. Kebajikan kami terjaga.
Responden 5	Kami memang taat setia kepada Raja dan Negara.	Saya perlu positif dan semangat berpasukan yang tinggi.	Saya sayangkan pekerjaan ini dan mematuhi setiap rukun tentera.	Kami mengharapkan peralatan dan teknologi yang lebih canggih. Kita perlu siap siaga dengan segala kemungkinan yang bakal berlaku.	Kepentingan menghadiri kursus untuk menambah ilmu.	Semangat patriotisme bersama anggota lain-lain pangkat.

Persepsi pemikiran aspirasi akal budi dengan enam dimensi seperti penampilan kepahlawanan, tingkah laku yang jelas, kesopanan ketenteraan, tanggungjawab kepada peralatan, kemahiran ketenteraan dan latihan ketenteraan di Melaka. Pegawai-pegawai TDM di Melaka komited dengan kerja dan sangat berdedikasi dengan semangat patriotisme yang tinggi. Hal ini disokong oleh para responden berikut:

- i. Penampilan kepahlawanan: “... *Fizikal dan mental kami perlu kuat menghadapi segala cabaran. Ikon saya ialah Leftenan Adnan...*”
- ii. Tingkah laku yang jelas: “... *Komunikasi adalah perkara utama di antara kami. Perhubungan dengan media sosial diutamakan ...*”
- iii. Kesopanan ketenteraan: “.... *Rukun kesopanan ketenteraan saya patuhi ...*”
- iv. Tanggungjawab kepada peralatan: “.... *Peralatan sangat penting dan saya bertanggungjawab sepenuhnya....*”
- v. Kemahiran ketenteraan: “.... *Saya memahami tugas dan tanggungjawab saya. Kemahiran kewangan sangat penting dari segi pengurusan... Saya akan membantu dan mengawal kewangan anak-anak buah saya.... Menggalakkan mereka menabung...*”
- vi. Latihan ketenteraan: “.... *Program BAKAT aktif dijalankan untuk mengeratkan silaturahim...dan kebajikan kami terjaga.*”

Di Melaka, aktiviti-aktiviti ketenteraan yang diadakan sangat aktif dengan penglibatan isteri dan keluarga di Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT). Motivasi yang tinggi dalam kalangan pegawai di Melaka menyebabkan pegawai bertanggungjawab sepenuhnya dan meminati dengan dunia ketenteraan yang dipilih seperti menjadikan Leftenan Adnan sebagai ikon mereka. Responden sangat bertanggungjawab kepada peralatan dan sebagai pemimpin mereka sentiasa memastikan anak-anak buat mereka berada dalam keadaan selamat dan sentiasa mempunyai motivasi yang tinggi.

KESIMPULAN

Hasil daripada temu bual dengan respondan pegawai tentera di Perlis dan Melaka telah dapat mengenal pasti dimensi-dimensi pemikiran aspirasi akal budi dengan enam dimensi iaitu penampilan kepahlawanan, tingkah laku yang jelas, kesopanan ketenteraan, tanggungjawab kepada peralatan, kemahiran ketenteraan dan latihan ketenteraan telah memberi sumbangan yang sangat besar kepada tahap patriotisme. Dimensi-dimensi pemikiran aspirasi akal budi yang dikenalpasti ini sangat sejajar dengan teori yang dikemukakan oleh Dahrendorf (1959) dan Zulkifli Zainal Abidin (2011) di mana anggota tentera telah menyerahkan segala yang ada pada dirinya untuk terus berkhidmat kepada negara, mematuhi perintah yang diarahkan dan mematuhi kepada pihak atasaran sepanjang perkhidmatannya.

Keperluan pengurusan tertinggi TDM, anjakan paradigma sentiasa dilakukan untuk memastikan TDM terus relevan dengan semangat patriotisme yang tinggi. Keseimbangan di antara manusia, mesin dan metod dengan unsur-unsur kejiwaan yang intangibel serta mengutamakan dimensi kesiapsiagaan keupayaan tempur dan kualiti hidup seperti digariskan oleh pemerintah tertinggi TDM telah memberi inspirasi penyelidik untuk merealisasikan kajian ini. Pemikiran aspirasi akal budi harus diutamakan dalam TDM untuk terus menyuntik semangat patriotisme di barisan hadapan pertahanan negara.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Geran Penyelidikan Jangka Pendek UPNM (UPNM/2-2018/GPJP/SSK/1).

RUJUKAN

- Dahrendorf, R. (1959). *The modern social conflict: An essay of the politics of liberty*. Stanford: Stanford University Press. p.38-39.
- Muhamad Ali Embi. (2009). *Patriotisme dan Kepercayaan Rakyat di Malaysia*. Utusan Publications & Distributions Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Ruhanie Ahmad. (2005). *Patriotisme Malaysia Penangkis Neoimperialisme*. Utusan Publications & Distributions Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Zulkifli Zainal Abidin (2011). *Manifesto Sahsiah Diri Panglima Tentera Darat*, KEMENTAH, KL.